

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 4. BIL. 11

BANDAR BRUNEI, RABU, 3 JUNE, 1959 (26 Zulkaidah, 1378)

PERCHUMA

MENTERI2 BEGELAR ADAKAN JAMUAN

RA'AYAT BIAR-LAH SATU TUJUAN

BANDAR BRUNEI. —

Menteri2 bergelar di-Brunei telah mengadakan satu jamuan minum teh di-dewan Civic Centre di-sini pada 25 May yang lalu.

Jamuan ini ada-lah sa-bagai satu tanda ta'at setia dan ucap shukur serta tahniah atas kejayaan rombongan Duli Yang Maha Mulia dalam perundingan di-London itu dan atas pengurniaan bintang tertinggi dari Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Duli Yang Maha Mulia telah di-kurnia; bintang tertinggi Seri Paduka yang Dipertuan Agong dan bintang tertinggi Kelantan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan sa-masa lawatan baginda ka-Persekutuan belum lama dahulu.

Berucap mewakili menteri2 dalam jamuan itu ia-lah Pehin Orang Kaya Digadong Haji Mohamad Yusoff.

Antara lain beliau berkata: "Sabagai yang telah di-ketahui dalam dua kali perangkatan Ke-bawah Duli tuan patek baharu2 ini telah mendapat kejayaan yang bergemilang.

"Kali pertama ia-lah perangkatan ka-Lonodn dengan membawa balek hasil2 rundingan yang sangat2 menyukakan hati patek2 kerana keperchayaan akan memulehkan tuan patek dan ra'ayat negeri ini muleh kapada asal sedia kala.

"Perangkatan kedua tuan patek telah menerima bintang Darjah Utama Seri Mahkota Negara dari Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Darjat Utama Darah Kerabat Diraja dari Sultan Kelantan."

Pehin Orang Kaya Digadong saterus-nya telah menyatakan ke-perchayaan bahawa Duli Yang Maha Mulia sentiasa berikhtiar



Yang di hormati lagi di-Muliakan Pehin Orang Kaya Digadong kelihatan sedang menyampaikan ucapan mewakili menteri2.

menchari jalan untuk menyatukan tujuan.

"Patek perchaya tuan patek memang sentiasa berusaha dengan sa-dalam2-nya menyelideki dengan teliti, mengkaji burok dan baik, menimbang dengan saksama untuk menjalankan oleh2 yang di-chapai itu dengan saling mengerti, bantu membantu dan sa-faham sa-tujuan.

"Pendek-nya bagaimana raayat telah bergembira atas kejayaan terchapai itu bagitu lah hendaknya apakala di-lakukan atau di-jalankan."

Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Brunei, Dato Paduka Sir Anthony Abell serta pembesar2 negeri Brunei telah hadir dalam majlis jamuan teh itu.

Menteri2 bergelar termasuk kaki2 tangan kanan Kerajaan juga telah menghadiri mejlis tersebut.

MAKAN TAHUN DI-JERUDONG

JERUDONG, Brunei. — Satu jamuan makan tahun telah diadakan di-kampung ini pada 22 May yang lalu di-kawasan teratak2 saperti tahun2 sudah.

Ramai anak2 kampung dan jemputan2 dari tempat2 berdekatan dan berjauhan telah datang menbanjiri jamuan itu.

Tidak mengira kawasan itu li-chak kerana malam sebelum menyediakan jamuan itu hujan telah turun menchurah2, orang ramai telah dapat bersukaria merayakan istiadat makan tahun.

Empat buah teratak2 yang panjang2 di-sediakan itu penuh scsak dengan jemputan2 dan ada sa-tengah-nya terpaksa di-jamu kali kedua.

Pegawai2 Shell Malaya/Singapura melawat ka-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai2 perhubungan raya, Sharikat Minyak Shell dari Malaya dan Singapura telah melawat ka-Brunei baharu2 ini.

Mereka ia-lah Nyonya J. Elliot dan Tuan Peter Clague.

Ketika sampai di-lapangan terbang Brunei di-Berakas mereka telah di-temui oleh Tuan R.W.P. Rule, Pegawai Perhubungan Raya Sharikat Minyak Brunei di-Seria.

Mereka di-bawa melawat ka-kampung2 di-Kampung Ayer dan telah singgah di-Pusat Pertukangan Perak di-Kampung Sungai Kedayan sa-masa tukang2 perak sedang sebok menjalankan pekerjaan.

Sa-belum meneruskan lawatan ka-Padang Minyak Brunei di-Seria mereka berpeluang melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin di-sini.

J.K. SAMBUTAN Y. D. AGONG

BANDAR BRUNEI. — Satu jawatan kuasa sambutan ketibaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong ka-Brunei telah di-bentok baharu2 ini.

Demikian telah diumumkan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha sadikit hari dahulu.

Pengumuman sa-lanjutnya telah berkata bahawa jawatan kuasa itu ada-lah mengandongi sa-ramai 22 orang ahli.

Meshuarat kerana merundingkan perkara2 mengenai sambutan tersebut telah di-adakan pada 26 May dahulu di-Lapau Diraja di-sini.

KA-JOHORE MENGHADHIRI PERMAKAMAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin akan berangkat ka-Johore Baharu kerana menghadhiri istiadat permakaman Almarhum Sultan Johore, Major General Sir Ibrahim yang telah mangkat di-London pada bulan yang lalu.

Baginda akan berangkat dari lapangan terbang Brunei ka-Singapura dengan sa-buah kapal terbang khas pada hari Jumaat 5 June ini dalam perjalanan baginda ka-Johore Baharu.

Duli Yang Maha Mulia akan di-iringi oleh 14 orang pembesar2 Brunei antara-nya ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendhara dan Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Haji Ibrahim.

Baginda dan rombongan di-jangka balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada pagi hari Ahad 7 June.

Bendahara Sakam sambut Hari Ibu Bapa tahunan

BUNUT, Brunei. — Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut akan menyambut Hari Ibu Bapa-nya kali yang ke-5 mulai hari Khamis 11 June hingga hari Ahad 14 June akan datang ini.

Antara ranchangan2 ia-lah temasha malam aneka warna, pertunjukan di-sekolah dan permainan di-padang.

Malam aneka warna di-adakan pada malam 12 haribulan June dan temasha di-padang pada 14 haribulan June.

Peraduan2 yang di-buka kepada ramai pada malam aneka warna ia-lah seperti berikut :

Peraduan menyanyi bagi orang2 dewasa; peraduan lawak jenaka, tiap2 sa-pasokan tidak lebih dari tiga orang; dan peraduan menyanyi di-buka kepada semua sekolah2 murid-nya berumur 13 tahun ka-atas.

Perlawanan di-padang di-buka kepada orang ramai:

Lari 220 ela, buang peluru

Sukan di-adakan di-Brunei/Belait

BANDAR BRUNEI. — Tamasha sukan bagi daerah2 dan Kuala Belait-Seria yang di-anjorkan oleh Amateur Athletic Association, Brunei akan di-adakan bersama di-padang2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-sini dan di-padang Kuala Belait.

Tamasha ini akan di-adakan pada hari Sabtu 6 June akan datang mulai jam 1.00 tengah hari.

dan meniup bilun hingga besar. Orang2 yang akan mengambil bahagian dalam perlawanan ini tidak-lah payah menghantarkan nama terlebih dahulu.

Peserta2 yang suka memasoki peraduan temasha malam itu di-minta menghantarkan nama, alamat, jenis peraduan dan umur masing2 kepada Setiausaha Hari Ibu Bapa sekolah tersebut di-alamat Pejabat Penerangan, Brunei tidak lewat dari Ahad 7 June, 1959.

Recreation Klab kalahkan Polis

KUALA BELAIT—Satu perlawanan main hockey antara pasukan Kuala Belait Recreation Klab dengan pasukan Polis telah di-adakan di-sini pada 27 May sudah.

Pasukan Kuala Belait Recreation Klab telah dapat mengalahkan Polis dengan 4 gol tidak berbalas.

Sa-panjang perlawanan berjalan kedua2 pasukan kelihatan bermain dengan chergas-nya dan memuaskan.

Perlawanan ini di-adakan untuk pasukan2 pemain hockey di-daerah Kuala Belait.



Murid2 Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong dalam satu perlawanan lari 75 ela memasokkan ayer ka-dalam botol sa-masa sekolah itu mengadakan sukan hari ibu bapa-nya baharu2 ini.

SEKOLAH MELAYU R. I. F. MENYAMBUT HARI RAYA HAJI

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah di-sini akan merayakan sambutan Hari Raya Haji tahun ini dengan mengadakan peraduan bacaan Al-Quoran.

Peraduan ini ada-lah di-bahagi kepada tiga bahagian ia itu bagi murid2 perempuan sekolah itu, bagi murid2 perempuan sekolah2 di-Pekan Brunei dan bagi orang2 dewasa perempuan.

Sambutan di-adakan di-dewan Sekolah tersebut pada 16 June akan datang ini mulai jam 2.00 petang.

Kaum wanita dewasa yang ingin memasoki peraduan ini ada-lah di-nasehatkan supaya mendaftarkan nama mulai sekarang. Tiap2 pendaftar di-kehendaki membayar satu ringgit.

Orang ramai yang suka hendak memberikan apa2 jua hadiah kepada pemenang2 dalam peraduan ini boleh-lah berhubung dengan Guru Besar Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah dan tidak lewat dari 14 haribulan ini.

Sekolah2 Melayu Bandar Brunei menyambut Hari Ibu Bapa

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu Sultan Mohamed Jamal ul-Alam, Lela Menchanai dan Raja Isteri Fatimah akan mengadakan hari ibu bapa tahunan bagi tahun lepas pada 6 dan 7 haribulan June akan datang ini.

Pada 6 haribulan mulai jam 2.00 petang perlawanan lomba perahu bertempat di-hadapan Tambatan Kastam di-sini akan di-adakan dan pada malam-nya pula mulai jam 8.00 malam di-adakan malam aneka warna di-kawasan Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamal ul-Alam.

Sambutan hari kedua ia-lah pertunjukan barang2 hasil kebolehan murid2 dan ini di-buka kepada ramai mulai jam 9.00 pagi itu.

Pada jam 2.00 petang itu juga di-adakan pula perlawanan2 sukan di-padang Pekan Brunei dan pada malam-nya mulai 8.00 sambungan malam aneka warna diteruskan.

Pertunjukan2 barang2 itu di-adakan di-kedua2 buah sekolah2 Melayu Sultan Mohammad Jamal ul-Alam dan Raja Isteri Fatimah.


4 MALAM SAMBUTAN H. I. B.

KILANAS, BRUNEI. — Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas, Brunei telah mengadakan empat malam berturut2 sambutan hari ibu bapa-nya mulai 29 hingga 31 June yang lalu.

Pada malam 29 May telah di-adakan malam aneka warna, malam 30 May pertunjukan wayang gambar dari Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei, pada malam 31 May peraduan bacaan Al-Quoran ul-Karim dan pada malam 1 June ini persembahan sandiwar dari orang2 kampung Kilanas.

Pertunjukan dalam sekolah di-adakan pada pagi 29 May dan temasha di-padang di-adakan pada 30 May.

Sambutan dari anak2 kampung ada-lah sedang meriah dan bagitu pun kunjungan2 dari orang luar.



Pemandangan dalam sa-buah darjah di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei.

Darjah masak2an (urusan rumah tangga) ini bukan saja di-ajarkan kepada murid2 bahkan juga peluang belajar di-buka kepada orang ramai.

PEKAN TUTONG DI-LENGKAPI DAN DI-BAIKI TEBING SUNGAI DI-TEMBOK

Dudok-nya di-antara daerah Belait dan Brunei ia-lah sa-buah antara lima daerah2 di-Negeri Brunei.

Daerah luas-nya kira2 1/5 dari keluasan seluruh Brunei ini ia-lah Tutong, pekan-nya terletak tidak jauh dari pantai Brunei dan kira2 29 batu perjalanan kereta dari Bandar Brunei.

Sa-belum jalan raya menyambungkan antara padang minyak di-Daerah Belait siap di-bena Pekan Tutong hanya terkenal sebagai sebuah pekan tidak berapa perlu dan kurang menarik perhatian.

Hasil daerah ini ia-lah sagu, getah para dan maka dengan itu-lah kebanyakan penduduk2 di-sini memerlukan kerja sendiri di-ladang2 sawah, getah, rombia dan mempunyai kebun getah sa-kadar kecil2 luas-nya.

Penduduk2 yang tinggal berdekatan dengan Kuala Sungai Tutong kebanyakan mata pencharian-nya menangkap ikan.

Tutong sekarang sudah munthul akan menjadi sa-buah tempat yang indah dan chantek dan sentiasa menerima udara sehat dari tepi laut.

Rumah2 baharu di-bena sa-chara moden dan tegap2 sudah banyak di-dirikan di-sapanjang jalan Tutong hingga ka-pekan-nya.

Menunduki dari sa-buah bukit, ia-itu Bukit Bendera ia-lah kawasan perumahan kerajaan dimana terletak sa-buah sekolah dudoknya tertinggi dari bangunan2 yang lain.

Di-atas dataran bukit ini di-hadapan rumah tempat diam murid2 sekolah Melayu darjah enam yang datang dari luar Pekan Tutong ia-lah sa-buah padang permainan kanak2 hampir2 siap di-bena.

Padang yang luas-nya dekat 150 kaki, besar dan panjang-nya, dan di-tanami dengan rumput khas dan di-ratakan menambahkan chantek dan elok untuk padang permainan kanak2 adalah salah satu rancangan perkembangan kerajaan untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat sa-luruh-nya.

Perusahan penembokan tebing Sungai Tutong panjang-nya 1,100 kaki di-hadapan pekan itu sekarang sedang giat di-kerjakan.

Pembinaan di-mulakan dalam bulan June tahun lepas dan di-jangka akan siap bulan August tahun ini di-anggar akan memakan belanja sa-banyak \$155,769. Dari jumlah belanja ini pula mungkin di-tambah lagi kira-nya perusahaan2 akan di-perluas.

Jalan raya di-hadapan pejabat2 kerajaan di-Pekan Tutong itu se-

karang hampir siap di-perbaiki dan di-lebarkan dan ini ia-lah sebagai sambungan batang Jalan Tutong yang telah di-kerjakan sa-chara besar2-an mulai dari Bandar Brunei, sa-kadar perkerjaan di-mulai dari Pekan Tutong.

Baharu2 ini sa-buah panggong wayang sudah siap di-bena dan sekarang dapat menayangkan wayang2 gambar untuk hiburan penduduk2 di-Tutong.

Sa-buah dari istana2 peranginan Duli Yang Maha Mulia telah di-dirikan dudok-nya tidak jauh dari pekan ini dan juga sebuah sekolah China.

Pekan Tutong harus akan menerima jentera literek yang lebih besar dari yang ada sekarang kira-nya pengguna2 karan bertambah banyak dan penduduk-nya bertambah ramai yang menggunakan karan sebagai melichinkan usaha2 seperti kilang2 pemotong papan dan dalam perusahaan tukang kayu.

Apabila siap perusahaan2 membena jalan raya, padang permainan kanak2 dan terutama-nya pembenaan menembok tebing sungai itu Pekan Tutong akan kelihatan sebagai sa-buah pekan menjadi perhatian umum. Apa lagi dudok-nya betul2 di-perjalanan antara Bandar Brunei dengan Kuala Belait dan seterusnya ka-Miri, Sarawak.




Atas: Di-kiri sa-kali ia-lah tempat tinggal murid2 darjah enam dari luar pekan dan terhampar di-hadapan ia-lah padang permainan kanak2.



Kanan: Pekerja2 kelihatan sedang sibok menanamkan tiang untuk memperkukuhkan tembok tebing sungai Tutong.

Atas: Bangunan Pejabat2 Kerjaan di-Tutong.

Bawah: Pekerja2 kelihatan mendirikan tiang untuk tebing sungai Tutong.



Bangunan Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Tutong.

PELITA BRUNEI

Bandar Brunei

RABU, 3 JUNE, 1959.

**MURID2 DAN
IBU BAPA**

Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei hingga sekarang ini ada yang maseh sebok membuat persediaan2 kerana menyambut hari ibu bapa yang di-adakan pada tiap2 tahun itu.

Berbagai2 acara dan temasha ada di-adakan siang dan malam dalam menyambut hari ibu bapa. Pada siang di-adakan permainan2 di-padang atau di-ayer dan pada malam-nya pula di-adakan malam aneka warna.

Ada sa-tengah sekolah2 mengadakan sambutan2 itu hingga 2 atau 3 hari dan bagi sekolah2 kecil murid-nya tidak berapa ramai hanya mengadakan sa-kadar sahaja.

Tetapi ini bukan-lah ma'ana-nya sekolah itu kurang kemajuan-nya atau sambutan dari para ibu bapa sejok. Tiap2 sekolah tidak ketinggalan mengadakan berbagai2 pertunjukan2 kebolehan murid2 kecil dan besar, lelaki dan perempuan.

Sekolah yang tidak mempunyai padang untuk mengadakan permainan2 di-darat mengadakan pula permainan2 di-ayer.

Sambutan hari ibu bapa bukan sahaja terkhad kepada murid2 sekolah itu atau sa-golongan ma'nusia merayakan-nya atau mengambil bahagian dalam berbagai2 lapangan yang di-adakan, bahkan orang ramai juga sering di-pelawa untuk menyombangkan dan merayakan bersama2 ibu bapa murid2.

Tujuan utama mengadakan hari ibu bapa itu ia-lah menggalakkan anak2 baharu menchunahi kebolehan murid2 demi sa-tahun ka-sa-tahun dalam berbagai lapangan.

Bagi para ibu bapa pula, hari itu ia-lah hari mereka berpeluang menyaksikan kebolehan anak2 mereka sa-jauh mana anak2 mereka telah chapai dalam tempoh sa-tahun dan juga peluang beramah tamah antara ibu-bapa yang lain.

Bagi pehak sekolah2 pula ternampak kemajuan2 hasil pimpinan guru2 dari perubahan2 di-lakukan pada tiap2 tahun mengadakan sambutan hari ibu bapa.

Masa hari ibu bapa ini-lah sa-suatu sekolah dapat di-kenal mundur maju-nya dan sa-jauh mana sekolah itu melangkah dengan perubahan2 menuju ka-araf taraf pelajaran sa-patut-nya dapat di-chapai tahun demi tahun.

Sambutan meriah atau panjang masa-nya mengadakan hari ibu bapa itu bukan-lah penting. Tetapi taraf dan peringkat acara2 di-pertunjukkan dan di-adakan.

Menyertai perundingan perlembagaan dan mengelilingi dunia

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Pengiran Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah selamat kembali ka-tanah ayer pada 26 May sudah.

Ketibaan beliau di-lapangan Terbang Brunei di-Berakas telah di-sambut oleh isteri dan anak2-nya dan sahabat handai.

Beliau telah melangsungkan lawatan-nya ka-seluruh Amerika Sharikat sa-lama dekat dua bulan atas dermasiswa Kerajaan Amerika Sharikat.

Pengiran Yusof, sa-orang Ahli Majlis Meshuarat Negeri dan Pegawai Penerangan Brunei, sa-belum meneruskan lawatan ka-Amerika telah berada di-London sa-bagai sa-orang anggota rombongan perlembagaan Brunei yang telah mengadakan perundingan di-London dengan Kerajaan British dahulu itu.

Di-Amerika, Pengiran Yusof telah berpeluang melawat ka-bandar2 yang besar2 dan ka-tempat2 yang bersejarah dan mustahak, seperti ka-University2 dan berke-nalan dengan orang yang kenamaan.

Pengiran Yusof telah berada di-Amerika Sharikat selama 45 hari.

Dalam perjalanan kembali ka-Brunei beliau tidak memakai jalan-nya pergi melalui terusan Suez, tetapi terus melalui Tokyo. Sa-belum tiba di-Tokyo beliau terlebih dahulu pergi ka-Francisco dan terus ka-Honolulu.

Di-sini beliau berada sa-lama 5 hari.

Sa-lepas itu beliau meneruskan perjalanan-nya ka-Tokyo dan tinggal di-sana selama sa-minggu.

Dalam perjalanan ka-Singapura beliau telah melalui Hongkong dan Bangkok.

Pengiran Yusof tiba di-Singapura pada 24 sudah dan tinggal di-sana sa-lama dua hari.

PEMBUNOHAN DI-TEMBURONG 1 MATI 3 CHEDERA

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang Iban, Buntu anak Ungan, Ngang (atau Jamban) anak Ujil dan Pilang anak Pagang telah di-jatuhkan hukuman sa-bagai pembunuh ka-atas sa-orang taw kay kedai dan melukakan isteri dan 2 orang anak taw kay itu.

Hukuman itu telah di-jatuhkan dalam pembicharaan di-Mahkamah di-sini pada 27 May lepas oleh Stipendiary Magistrate Tuan R.G.P.N. Combe.

Pembunuhan telah berlaku di-Ujong Jalan Pandaruan, Temburong pada 23 February tahun ini.

Ketiga2 iban itu telah membunuh Lim Teow Sim (Taw kay kedai) dan menchederakan isterinya, Ong Kim Teng dan dua orang anak mereka.



Yang Berhormat Pengiran Mohamad Yusof.

Sa-bagaimana Pelita Brunei telah di-fahamkan, Pengiran Yusof, pada keluaran2 akhbar ini akan datang, akan menulis renchana2 mengenai perjalanan-nya mengelilingi dunia.

MAJLIS MERIAH

SERIA, Brunei. — Persekutuan Bekas Ahli2 Perkhidmatan Peperangan sa-Negeri Brunei akan menyambut hari keputeraan baginda Queen tahun ini dengan mengadakan satu majlis yang meriah.

Majlis ini di-adakan pada malam 12 June akan datang ini bertempat di-Shell Recreation Klab di-sini.

PEMBENAAN PEKAN

TUTONG. — Perusahaan2 perkembangan sekarang sedang berjalan dengan baik di-Pekan Tutong untuk menyadikannya pekan yang elok.

Perusakan ia-lah menembok tebing di-hadapan pejabat2 Kerajaan di-sini, membesarkan jalan raya dan mengadakan sa-buah padang permainan bagi kanak2.

BENDERA BRUNEI BERKIBAR DI-LONDON



Dalam gambar di-atas kelihatan bendera Brunei di-kibarkan dengan gegah dan megah-nya di-Grannyor House sa-masa Duli Yang Maha Mulia berada di-London bersama2 dengan rombongan baginda merundingkan perlembagaan baharu bertulis Negeri Brunei belum lama dahulu.

Malam aneka warna sambutan hari keputeraan 6-1. kuasa di-lantek

BANDAR BRUNEI. — Satu meshuarat sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-43 tahun ini bahagian malam aneka warna telah berlangsung di-dewan permeshuaratan kerajaan di-sini pada 24 May sudah. Dekat 90 peratus dari ahli2 jawatan kuasa ini telah hadir.

Sambutan ini akan di-adakan dalam bulan September akan datang dengan berbagai2 bentuk perayaan seperti tahun2 sudah hanya di-adakan sa-banyak sedikit perubahan.

Dalam meshuarat yang telah di-pengerusi oleh Awang Hapidz Laksamana dengan Pehin Benda-hari dua orang Setiausaha telah di-lantek.

Sa-banyak 6 jawatan-kuasa kecil juga telah di-lantek dan pengerusi2 dan setiausaha tiap2 jawatan-kuasa sa-kali.

Jawatan-kuasa2 itu ada-lah seperti di-bawah :

Bahagian Sandiwaru; bahagian peraduan mengarang, membachasajak dan bahath; bahagian wayang China; Peraduan perarakan laut dan darat; peraduan berchuchul laut dan darat, dan bahagian peraduan menyanyi, lawak jenaka, pertunjukan tarian2 asli bangsa2 dan lain-nya.

Tiap2 jawatan kuasa di-atas akan melantek lagi beberapa orang ahli2 tambahan dan mem-

buat anggaran2 perbelanjaan bagi menjayakan kerja2.

Orang ramai yang ingin menyombangkan tenaga atau mengambil bahagian dalam peraduan2 atau persembahan2 atau sa-barang pertunjukan boleh-lah berurusan dengan setiausaha tiap2 jawatan kuasa tersebut.

Pihak jawatan Kuasa besar bahagian malam aneka warna juga berasa sukachita sa-siapa yang akan memberikan apa juga jenis hadiah2 dari darmawan2 untuk peraduan2 atau lain-nya diminta berhubung dengan setiausaha di-alamat Pejabat State Supplies Office atau di-Pejabat Penerangan, Bandar Brunei.



Lima orang dari ahli2 rombongan perlembagaan Brunei berserta dengan Juru Iring Duli Yang Maha Mulia kelihatan bergambar ramai di-hadapan menara Eiffel Tower, sa-buah tempat yang mashhor di-Paris itu, sa-masa mereka melawat ka-sana dalam percutian waktu mengadakan perundingan di-London baharu2 ini. Dari kiri : Pengiran Ali, Pengiran Mohamad Yusuf, Juru bahasa rombongan, Pehin Orang Kaya Sanggamara, Chegu Marsal, Pengiran Haji Abu Bakar, dan Pehin Laksamana.

PERADUAN MENGARANG SAMBUTAN KEPUTERAAN TARIAN BUBU DI-TIADAKAN

BANDAR BRUNEI. — Dalam keputusan meshuarat jawatan kuasa sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-43 tahun ini pertunjukkan tarian bubu haru jangan-lah di-adakan dan di-pertunjukkan lagi dalam keramaian sambutan keputeraan yang akan di-adakan dalam bulan September akan datang ini.

lah seperti peraduan2 bahath, mengarang dan pertunjukkan tarian2 asli bangsa2.

Peraduan mengarang di-bahagai kapada dua bahagian ia-itu mengarang cerita pendek dan renchana.

Beberapa tajok karangan2 dan renchana2 telah di-sediakan oleh jawatan kuasa-nya dan sa-siapa yang akan mengambil bahagian boleh lah memilih dari tajok2 itu.

LAWATAN PAKAR MATA

BANDAR BRUNEI. — Pakar mata negeri2 di-Borneo British, Dr. E.H. Wallace akan sampai di-Brunei awal bulan ini kerana memeriksa dan mengubati mata di-klinik mata, rumah sakit besar Brunei dan Kuala Belait.

Orang2 yang hendak berjumpa dengan Dr. Wallace ada-lah diminta datang ka-klinik2 tersebut mengikut jadual di-bawah :

Bandar Brunei dari 7 June hingga 27 June ; Kuala Belait dari 6 July hingga 25 July.

MENJAWAT JAWATAN TERTINGGI

BANDAR BRUNEI. — Inche Ajamain bin Abdul Razak telah di-lantek menjadi Pemangku Pegawai Kehutanan (Acting State Forest Officer), Brunei mulai 26 May sudah.

Lantekan itu di-lakukan menggantikan jawatan Tuan B. E. Smythies.

Inche Ajamain, sa-orang Pegawai Pertadbiran Negeri Brunei telah di-lahirkan di-Papar, Borneo Utara.

Beliau telah tiba di-Brunei 17 tahun dahulu dan mulai berkhidmat dengan Kerajaan dalam tahun 1942.

Sa-belum menjawat jawatan baharu itu beliau telah memegang jawatan2 tinggi di-Brunei.

Beliau pernah memangku jawatan pegawai daerah2, Temburong, Brunei dan Kuala Belait dan menjadi Penolong Pegawai Penempatan sa-mula bagi negeri Brunei dan Pemangku Naibul Kadhi di-Daerah Temburong.

Sa-lain dari jawatan yang di-pangku Inche Ajamain sekarang ini beliau juga memegang jawatan sa-bagai Megistrate Klas Dua dan Penolong Pegawai Penempatan sa-mula bagi negeri Brunei.

Dalam tahun 1956 Inche Ajamain telah terpilih di-hantar ka-United Kingdom kerana meng-

hadhiri kursus Pegawai Pertadbiran di-sana.

Dalam lapangan sukan beliau ada-lah di-kenal sa-bagai pemain bola sepak, hockey dan cricket.

Beliau ada-lah sa-orang pengadil yang bijak dalam perlawanan bola sepak.

MURID2 R.I.F. MEMAKAI LENCHANA

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah di-sini telah membuat lenchana untuk murid2 sekolah itu.

Lenchana berbentuk seperti perisai lebar dan panjang-nya kira2 sa-inchi itu berwarna merah dan dalam bulatan putih bersibar hitam di-tengah2 ia-lah panji2 Brunei berwarna kuning.

Bentuk lenchana itu telah direka oleh Chegu Musif bin Chek atas chadangan Chegu Pengiran Umi.

Lenchana itu akan di-jual kepada murid2 sekolah tersebut dengan harga 60 sen sa-biji.

Keputusan ini telah di-ambil apa bila satu chadangan untuk mengadakan-nya di-tolak dengan sa-bulat suara oleh sidang salepas mendengarkan penerangan2 mengenai perkara itu.

Penerangan sa-terus-nya berkata sebab pun tarian bubu ini tidak di-adakan dalam sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia tahun lepas ia-lah menjauhkan faham terpesong penuntun2. Pertunjukan itu ada lah sa-mata2 khayalan dan satu perbuatan yang mungkin mendatangkan akibat tidak baik di-sisi Maruah agama Islam.

Banyak lagi penerangan dari segi apa jua bahawa pertunjukan tarian bubu jangan-lah di-adakan lagi.

Perkara2 baharu yang telah dipersetujui dalam meshuarat ia-

WANG KERTAS BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Lembaga Pesuruh2 Jaya Kewangan Malaya dan Borneo British telah mengeluarkan wang2 kertas yang baharu bagi di-gunakan di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sarawak dan Borneo Utara mulai 1 June, 1959.

Wang kertas baharu yang berharga sa-ringgit itu berlainan bentuk-nya daripada wang kertas sa-ringgit yang ada sekarang.

Lembang2 negeri2 di-Persekutuan Tanah Melayu, Singapura dan negeri2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara ia-lah antara-nya yang menghiasi wang itu.

Wang itu bertarikh 1 March, 1959 telah di-tanda tangani oleh Sir Henry H. S. Lee, Menteri Kewangan Persekutuan Tanah Me-

layu, untuk dan bagi pihak Pesuruh Jaya Kewangan tersebut. Warna-nya ia-lah merah muda dan biru di-muka hadapan, dan biru di-muka belakang.

Tukaran wang kertas sa-ringgit yang baharu itu dengan wang British, ada-lah sama seperti biasa ia-itu tiap2 sa-ringgit berharga 2 shilling dan 4 pence.

Wang kertas sa-ringgit kita gunakan sekarang maseh dapat di-gunakan seperti biasa.

TUGAS KAUM IBU

HINGGA KA-LUAR RUMAH

(oleh Zaitunah Abd. Khan)

Apa-kah tugas yang penting bagi sa-orang ibu?

Sudah tidak dapat di-napikan bahawa tugas sa-orang ibu ia-lah satu bebanan yang berat terletak di-atas bahu dalam hidup sa-hari2-an. Ibu mengasah anak, ibu mendidik anak dan ibu memimpin anak menjadikan sa-orang yang berguna dan hidup sempurna.

Peribahasa berkata, "tangan yang menghayungkan buayan itu-lah kelak yang akan mengguntarkan dunia." Dengan yang demikian burok baik suasana sa-sabuah rumah tangga itu ada-lah tergantong langsung di-atas tanggong jawab sa-orang ibu. Sa-orang ibu yang bijaksana mempunyai rumah tangga yang sempurna dan aman damai.

Bukan itu saja. Tanggongan sa-orang ibu juga harus rukun bermasyarakat, berkerjasama memperbaiki dan mengator susunan hidup menurut aliran zaman yang bersa-suaian dari sa-genap segi. "Ma'nusia hidup dengan tidak mengindahkan masyarakat-nya ada-lah ma'nusia yang telah mati di-dalam hidup-nya."

Kita harus tidak menyerahkan bulat2 tanggong-jawab itu kepada kaum lelaki saja. Kalau kaum lelaki ada mempunyai tanggong jawab atas masyarakat-nya, mengapa kaum wanita tidak? Wanita dalam masyarakat ada-lah sayap kiri dan lelaki ada-lah sayap kanan. Dari-itu terbang atau hidup dengan sa-belah sayap tentu saja tidak lengkap atau sempurna, tidak upaya menuju satu hala yang di-chita2. Hidup akan terkandas di-tengah2 perjalanan!

Dalam zaman yang sentiasa beralih menurut perjalanan masa ini, kaum ibu telah banyak mengambil peranan penting di-samping kaum bapa. Ada sa-tengah-nya

bertugas di-pejabat2, di-persatuan2 kebajikan dan lain-nya. Malah ada yang telah menchebor-kan diri dalam pergerakan2 bagi kepentingan masyarakat bangsa.

Dengan hal yang demikian pula sering terdapat pada sa-tengah2 ibu hampir2 lengah bertugas dalam masyarakat dari berada di-rumah membuay alunan hidup anak2 mereka. Mereka terpaksa mengambil gajian dan ada pula terpaksa meninggalkan anak2 di-tangan orang2 tua di-rumah itu.

Itu-lah tugas sa-orang ibu. Ibu membentok jiwa anak2 mereka supaya menjadi ra'ayat yang ta'at dan berguna kepada negeri-nya. Ibu juga mempunyai masyarakat dan harus hidup bersama2 dan berdampingan dengan masyarakat-nya.

HIB di-Tutong

TUTONG. — Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera di-sini telah mengadakan hari ibu bapa-nya berturut2 pada 23 dan 24 May sudah dengan acara2 malam aneka warna, permainan di-padang, dan pertunjukan di-sekolah.

Berbagai2 perlawanan dan peraduan telah di-adakan pada kedua2 acara tersebut dan telah mendapat sambutan meriah dari penduduk2 Tutong dan orang luar.

PAMERAN BUKU2 MELAYU
DI-SEKOLAH S. M. J. A.

BANDAR BRUNEI. — Pertunjukan perkakas2 mengajar akan di-adakan di-sekolah2 Melayu Sultan Mohammad Jamal


ul-Alam dan Raja Isteri Fatimah ia-itu salah satu acara sambutan hari ibu bapa tahun ini.

Pertunjukan ini di-adakan di-sekolah masing2 pada 7 June mulai jam 9.00 pagi.

Pameran buku2 Melayu yang di-gunakan bagi mengajar darjah dari peringkat pertama hingga 7 juga akan di-adakan di-Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamal ul-Alam.

Sa-bahagian dari buku2 di-pamerkan yang mengandungi berbagai2 pengetahuan itu ada-lah akan di-jual kepada orang ramai.

MENAikkan GELARAN



Istiadat menaikkan gelaran bagi Pehin Orang Kaya Seri Wangsa Haji Abdullah bin Mohamad telah berlangsung pada 19 May yang lalu.

Istiadat yang telah di-hadiri oleh Duli Yang Maha Mulia sendiri serta Wazir, Cheteria, Pengiran2 serta Pehin2 dan ramai lagi itu telah di-adakan di-Lapau Diraja, Bandar Brunei.

Gelaran Haji Abdullah baharu itu ia-lah Pehin Orang Kaya Seri Diraja. Gambar di-atas menunjukkan Pehin itu dalam satu istiadat menerima gelaran.

SANDIWARA
SEKOLAH
CHINA

BANDAR BRUNEI. — Sekolah China Menengah Chung Hwa, Brunei akan mengadakan malam sandi-wara tahunan berturut2 tiga malam mulai 13 June akan datang di-dewan Civic Centre di-sini.

Pada malam ketiga sandi-wara ini di-adakan ada-lah di-buka kepada kaum2 di-Brunei dan jualan tiket2 masuk di-jual pada malam itu yang berharga \$1.00 dan \$2.00

Sandi-wara ini ada-lah akan menunjukkan bagaimana sa-benar-nya keaslian dan penoh berpegang kepada kesenian dan kebudayaan-nya yang tersendiri.

USAHA BARU
CATHAY PACIFIC

HONGKONG. — Sharikat Penerbangan Cathay Pacific di-sini akan menambahkan lagi perkhidmatan-nya mulai bulan July akan datang sa-bagai satu langkah kemajuan yang telah di-chapai oleh sharikat ini.

Perkhidmatan penerbangan akan di-lanjutkan lagi hingga ke-Sydney, Australia menerusi Manila dan Darwin.

Kapal terbang yang akan di-gunakan ia-lah sa-buah 'prop-jet' rekaan terakhir dan akan di-pandu oleh ahli2 penerbangan yang telah mendapat latihan di-Burbank, California.

Penghujung bulan April yang sudah, sharikat ini sudah pun memulakan penerbangan2 yang besar seperti; Hong Kong-Singapura, Hong Kong-Bangkok, Bangkok-Singapura dan Hong Kong-Manila.

Dengan penerbangan itu masa perjalanan telah dapat di-pendekkan sa-banyak 30 peratus.

Tamasha sukan tahunan Chung Hwa: banyak rekod tahun lepas pechah

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Menengah China Chung Hwa di-sini telah mengadakan sambutan sukan tahunan-nya bagi tahun ini pada 24 May sudah bertempat di-padang sekolah itu.

Beberapa rekod2 tahun lepas telah dapat di-pechahkan baik dalam bahagian murid2 lelaki mahu pun dalam bahagian murid2 perempuan.

Empat rekod tahun lepas bahagian murid2 lelaki pasokan 'A' yang telah di-pechahkan itu ia-lah lompat jauh (tahun lepas 17' 5" dan tahun ini 19' 1"), lompat tinggi (tahun lepas 5' 1 1/2" dan tahun ini 5' 4"), lompat, langkah, dan lunchat (tahun lepas 32.11 dan tahun ini 37.25") dan melempar batu (tahun lepas 30' dan tahun ini 34' 8").

Ketiga2 rekod berturut2 itu telah di-pechahkan oleh See Chee Kiat dan rekod penghabisan Chen Sui Ho.

Satu rekod melempar batu bahagian murid2 'B' telah di-pechahkan oleh Chang Cheh Min dengan jauh lemparan-nya 31' 5" manakala rekod tahun lepas hanya 25' 10".

Bahagian murid perempuan pasokan 'A' Huang Yuet Kwong

telah memecahkan tiga rekod ia itu lompat jauh, lompat tinggi dan melempar batu.

Rekod yang pechah bagi murid2 perempuan pasokan 'B' hanya lompat tinggi dengan Yang Su Chian dengan tinggi-nya 3' 9".

Julong2 kali di-adakan ia-lah melempar lembeng dan ini telah di-menangi oleh Chan Chau Chen dekat2 membandingi jauh lemparan dalam perlawanan B.A.A.A. ia-itu 135' dan rekod B.A.A.A. ia-lah 140 kaki.

Istiadat pembukaan sukan telah di-lakukan oleh pengetua sekolah itu dan antara yang hadir termasuk-lah Pegawai Pelajaran Negeri, Tuan H. J. Padmore dan Pengetua Maktab Latehan Guru2, Tuan Games Pierce.

Ahli2 jawatan kuasa bahagian sukan sekolah itu juga telah hadir menyaksikan permainan hari itu.

PASOKAN BRUNEI KALAHKAN BELAIT

BANDAR BRUNEI. — Dalam satu perlawanan main cricket yang telah di-adakan di-sini baharu2 ini pasokan Brunei Cricket Klab telah berjaya mengalahkan pasokan Kuala Belait Recreation Klab dengan 5 wicket.

Kemenangan pasokan dari Brunei ini ia-lah bagi kali yang ketiga dalam tahun ini mengalahkan pasokan tersebut.



Pemain2 Pasokan Tongkadeh-Padang Baru-Tasek bergambar ramai. Barisan hadapan dari kanan Karim Pukol, Chin Yin Yee, Abdullah, Mohamed Sabtu dan Ak. Radin. Barisan tengah Chua Soo Thian, Chegu Ismail dan Leong Kim Yui. Barisan belakang Ahmad Bakar, Awang Husin (Ketua Pasokan) Johnny Marcus, Ak. Johari, Ibrahim Yahya Ahmad Bakar dan Ang Kwang Joo.

Johan piala centenary

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 pasokan bola sepak Tongkadeh-Padang Baru-Tasek telah mengadakan satu majlis jamuan bertempat di-rumah Inche Abdul Rahman Ahmad di-Tongkadeh di-sini pada malam Ahad sudah.

Majlis itu ia-lah merayakan atas kemenangan yang telah dicapai oleh pasokan itu dalam merebut Piala Perak Centenary. Perlawanan terakhir ia-lah dengan pasokan Papar Pony Klab, Borneo Utara berlangsung di-Labuan belum lama dahulu.

Sa-lepas jamuan di-adakan Yang Teramata Mulia Duli Pengiran Pemancha telah menyampaikan pingat2 perak hadiah dari Inche Ali Khan kepada ahli2 pasokan berjaya itu.

Kemenangan ini ia-lah kali yang pertama dalam masa tujuh tahun merebut piala tersebut.

JOHAN MAIN HOCKEY? Perlawanan maseh berjalan

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan main hockey antara pasokan2 di-sini yang telah mulai di-adakan sejak 18 May yang lalu itu telah berjalan dengan baik.

Perlawanan2 yang akan di-adakan dalam bulan ini ada-lah seperti berikut:

Hari ini pasokan pertama Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin berlawanan dengan pasokan

Polis. Pada 8 June pasokan pertama Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin berlawanan dengan Sport Klab Casuals. 12 June pasokan pertama Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei berlawanan dengan pasokan kedua Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. 13 June pasokan kedua Maktab Latehan Guru2 Melayu berlawanan dengan pasokan pertama Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Pada 20 June pasokan pertama maktab Sultan Omar Ali Saifuddin berlawanan dengan pasokan Polis; 22 June pasokan Pejabat Pelajaran berlawanan dengan pasokan PWD Workshop Sport Klab; 27 June pasokan kedua Maktab Latehan Guru2 Melayu; dan pada 29 June pasokan Sport Klab Casuals berlawanan dengan pasokan Polis.

Sukan sekolah2 daerah Belait

KUALA BELAIT. — Satu tamasha sukan tahunan kali yang ketiga bagi sekolah2 di-daerah Kuala Belait akan di-adakan pada hari Ahad 14 June, 1959.

Tamasha itu di-adakan di-Padang Kuala Belait mulai jam 1.00 tengah hari.



Pemain hula-hop kecil yang terbaik ia-lah Hsu Mei Mei.



Atas kanan: See Chee Kiat johan lompat jauh, lompat tinggi dan lompat, langkah dan lunchat. Kiri: Tuang Yuet Kwong Johan lompat jauh, lompat tinggi dan melempar batu.

RANCHANGAN MELAYU RADIO BRUNEI

RABU, 3 JUNE

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.32 Lagu2 persembahan Orkest Saiful Bahri
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri
- 1.05 Lagu2 rampaian
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 6.31 Lagu2 nyanyian Jasni
- 7.01 15 minute dengan lagu2 Klasik (Instrumental)
- 7.15 Cherita Pendek — menyiarkan cherita2 yang di-terima daripada pendengar2 — Penerbit: Jamil Abdullah.
- 7.30 Lagu2 permintaan kaum ibu oleh P. Muhamad
- 8.00 Bintang malam.
- 8.15 Ranchangan Kaum Ibu oleh Halimah Hussin.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Menjelang pukul 9
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

KHAMIS, 4 JUNE

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.32 Lagu2 Jenaka
- 12.45 Lagu2 Irama Baru
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Lagu Masri
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 6.31 Lagu2 Satria
- 7.01 Bachaan Koran.
- 7.15 Sharahan ugama.
- 7.30 Kasidah dan lagu2 Mesir.
- 7.45 Islam di-zaman Nabi2 — di-terbitkan oleh Yusoff Haji Abd. Kadir.
- 8.00 Pilehan lagu2 Mesir.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Hiboran.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

JUMA'AT, 5 JUNE

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.32 Bachaan Koran dan sharahan ugama.
- 1.00 Sembahyang Juma'at di-Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin.
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 6.31 Zailan Kamaruddin dengan lagu2 sukaramai
- 7.01 Pelajaran Bahasa Inggeris di-Radio — Pelajaran 1
- 7.15 "Lama dan Baru" Di-terbit-kan oleh Dk. Intan.
- 7.30 Hiboran oleh Pancharagam tempatan (ulangan)
- 8.00 Lagu2 permintaan sukaramai oleh Dk. Intan.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 Meninjau ka luar negeri oleh P. Muhammad.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

SABTU, 6 JUNE

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.32 Lagu2 Ranchak
- 12.45 Cherita pendek (ulangan)
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Lagu2 permintaan hujung Minggu — Penerbit Dk. Mariam
- 1.30 Rehat.

Siaran malam

- 6.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 6.31 Lagu2 rampaian
- 7.01 "Pemuda Pemuda" — di-terbitkan oleh Dk. Intan
- 7.30 Lagu2 Pilehan Sendiri — Sa-orang pendengar di-jemput datang ka-Studio untuk memilih lagu2 kesukaan-nya
- Penerbit: Dk. Mariam
- 8.00 Ruangan kanak2 — di-terbitkan oleh Halimah Hussin.
- 8.30 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 8.45 "Tidor-lah Intan" di-terbit-kan oleh Jamil Abdullah.
- 9.00 Siaran Melayu Tamat.

AHAD, 7 JUNE

Siaran tengah hari

- 12.30 Pembukaan dan rengkasan ranchangan.
- 12.31 Hiboran oleh Orkest Lima Serangkai — dbp. Jack Keasberry
- 1.00 Warta berita tempatan dan luar negeri.
- 1.05 Cherita pendek (ulangan)
- 1.30 Meninjau ka-luar negeri
- 2.00 Rehat.



Huang Yuet Kwong telah berjaya memecahkan 3 rekod tahun lepas dalam perlawanan sukan tahunan Sekolah menengah Chung Hwa di-Bandar Brunei tahun ini.

KUALA BELAIT SUDAH DI-UDARA

KUALA BELAIT. — Pemancharan Radio Brunei dari sini sudah dapat di-ikuti mulai 24 May yang lalu. Pemancharan dari Bandar Brunei berjalan seperti biasa.

Kechuali pada hari2 Ahad pemancharan radio Kuala Belait itu dapat di-dengar pada tiap2 hari mulai jam 5.30 hingga 6.29 petang. Hari2 Ahad tambahan siaran ia-lah sa-belah pagi dari 11.30 hingga 12.29 tengah hari.

Ranchangan2 di-pancharkan dari Kuala Belait itu ia-lah berupa hiburan2 dengan lagu2 dari piring2 hitan dan dari pencharam2 tempatan.

BOLA SEPAK KEPUTERAAN

KUALA BELAIT. — Satu perlawanan bola sepak kali kedua bagi memilih pasokan Kuala Belait-Seria untuk berlawan dengan pasokan Bandar Brunei telah diadakan di-sini kelamari.

Perlawanan itu ia-lah sabagai acara sambutan Hari Keputeraan Baginda Queen tahun ini.

Pasokan yang menang akan melawan pasokan dari Bandar Brunei di-bawah sinaran lampu pada malam 13 June akan datang ini.

RAJA T.M. KA-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. —

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang Dipertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu akan mengadakan lawatan resmi baginda ka-Brunei bulan hadapan ini.

Baginda Permaisuri Agong dijangka akan menamami baginna.

Demikian telah di-fahamkan dari puncha2 yang dapat diperchayai.

MENINGGAL DUNIA

WASHINGTON, Amerika Sharikat. — Tuan John Foster Dulles bekas Setia Usaha Negara Amerika Sharikat telah meninggal dunia di-sini baharu2 ini.

Tuan Dulles, berumur71 tahun telah meninggalkan isteri-nya dan dua orang anak-nya John dan Avery.

Banyak kawat2 tabziah telah membanjiri Amerika dari seluruh dunia.

Antara-nya yang telah mengirinkan kawat itu ia-lah President Amerika sendiri, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Perdana Menteri India, President Negeri Pranchis dan banyak lagi.